

Metro - 26.10.2020 M/S 17

Direman lima hari RM100 punya pasal

Johor Bahru: Seorang warga Singapura direman lima hari bermula semalam sehingga Khamis ini bagi membantu siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung kes rasuah membabitkan wang sebanyak RM100.

Perintah tahanan reman itu dikeluarkan Penolong Pendaftar Mahkamah Majistret, di sini, Faridatul Farrah Mohd Shukri.

Kelmarin, SPRM dilaporkan menahan warga Singapura itu kerana didakwa memberi wang rasuah RM100 kepada seorang pegawai penguat kuasa Imigresen.

Hasil siasatan yang dijalankan mendapati suspek memberi rasuah kepada pegawai terbabit sebanyak RM100 sebagai balasan untuk membenarkan dia memasuki se-

mula Malaysia dengan menggunakan Program Laluan Hijau Timbal Balik (RGL) tanpa perlu menjalani tempoh kuarantin selama 14 hari di Singapura seperti yang ditetapkan dalam program terbabit.

Program RGL ialah program yang membolehkan perjalanan rentas sempadan untuk perniagaan penting dan tujuan rasmi bagi kedua-dua negara.

Kes disiasat mengikut Seksyen 17(b) Akta SPRM 2009 dan jika sabit kesalahan, boleh dikenakan hukuman denda lima kali nilai suapan atau RM10,000 mana yang tinggi dan penjara tidak melebihi 20 tahun.

Pengarah SPRM Johor Datuk Azmi Alias ketika dihubungi kelmarin mengesahkan penahanan lelaki terbabit.



WARGA Singapura yang direman bagi membantu siasatan SPRM berhubung kes rasuah membabitkan RM100.